



LARANGAN GUNA POLISTIRENA



Laksanakan larangan berperingkat

Kempen kesedaran, inisiatif galakkan peniaga serta pengunjung bazar minimumkan penggunaan polistirena

KUALA LANGAT - Secara dasarnya, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) amat positif terhadap saranan serta pelaksanaan kempen tanpa polistirena di daerah ini.

Sememangnya tidak diragui, respons serta reaksi orang awam tentang pelaksanaan kempen ini agak sukar serta menghadapi banyak isu, namun beberapa inisiatif dan usaha tetap dilaksanakan.

Yang Dipertua, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, Kempen Bazar Ramadan Mampan merupakan sebuah program yang dicetuskan kerajaan negeri di bawah Stanco Hal Ehwal Pengguna.

Menurutnya, bagi Kuala Langat, program ini bermula pada 2011 dan dilaksanakan di beberapa lokasi iaitu termasuk Bazar Ramadhan Banting, Taman Dato' Hormat, Taman Perwira; Taman Banting Baru, Taman Pahlawan dan Bandar Saujana Putra.

"Pelaksanaan program ini bertujuan untuk memberi galakan kepada peniaga dan pengunjung bazar supaya meningkatkan kesedaran dalam menjaga alam sekitar dan meningkatkan kualiti makanan secara konsisten."

"Bermula 2014, MDKL telah mengenakan caj RM0.20



AZHAR

bagi penggunaan beg plastik (saiz tertentu) di Bazar Ramadhan Banting dan ia dilaksanakan pada setiap Sabtu sepanjang Ramadhan," katanya.

Mohd Azhar berkata, pada awal kempen ini, orang awam menunjukkan respons yang baik memandangkan itu berkenaan caj RM0.20 di negeri ini sudah lama dilaksanakan.

Katanya, peniaga turut memainkan peranan mereka menggunakan bekas makanan guna semula.

"Namun, dianggarkan hanya 30 peratus sahaja yang mempraktikkannya."

"Sememangnya terdapat rungutan daripada peniaga kerana mereka mengalami peningkatan kos apabila menukar cara pembungkusan makanan mereka dengan menggunakan material yang boleh dikitar semula seperti karung kertas, bio



Sesi taklimat kepada peniaga Bazar Ramadhan berkaitan kempen Tanpa Beg Plastik dan Polistirena.

degradable plastik bag, bekas makanan kitar semula dan sebagainya yang berkONSEPAN mesra alam," katanya.

Dalam pada itu, pengunjung Bazar Ramadhan juga turut diberi pemakluman awal berkenaan kempen ini melalui risalah dan juga sepanduk yang digantungkan di tapak bazar dua minggu sebelum Ramadhan sehingga-lah penghujung bulari.

Melalui pemantauan, pengunjung bazar didapati ada yang membawa bekas makanan dari rumah dan juga beg kitar semula untuk mengisi jua-dah yang dibeli.

Sepanjang dua sesi pelaksanaan kempen tersebut, sebanyak 96 pengunjung me-

nerima sumbangan mangkuk tingkat.

Pada tahun ini, usaha di-teruskan dengan kempen tanpa beg plastik dan polistirena serta pengumpulan sisa minyak masak sepanjang Ramadhan.

Mohd Azhar berkata, MDKL juga merancang untuk memperluaskan kempen ini di medan-medan selera di bawah seliaan MDKL.

Katanya, pelaksanaan Kempen Bazar Ramadhan Mampan pada tahun ini menyasarkan kepada pendedahan dan galakan secara berterusan terhadap Kempen Tanpa Beg Plastik dan Polistirena serta Kempen Kitai Semula Minyak Masak Terpakai di kalangan

masyarakat.

"Ini kerana penggunaan bagi beg plastik, polistirena dan minyak masak meningkat pada bulan Ramadhan."

"Pada tahun ini, MDKL di bawah Local Agenda 21 telah mengadakan sesi taklimat kepada peniaga Bazar Ramadhan berkaitan kempen Tanpa Beg Plastik dan Polistirena."

"Taklimat ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan pengetahuan terhadap perjayaan kesihatan dan alam sekitar yang berterusan serta kesan negatif penggunaan beg plastik dan polistirena, sekali gus mengurangkan penggunaannya."

"Selain itu juga, ia bertujuan untuk menggalakkan pe-

niaga supaya lebih berdisiplin untuk mengendalikan gerai dan barang jualan mereka yang berkualiti dan sihat," katanya.

Bagi Kempen Tanpa Beg Plastik dan Polistirena, ia akan dilaksanakan di Bazar Ramadhan Banting sahaja, iaitu pada setiap hari Sabtu bertarikh 11 Jun, 18 Jun, 25 Jun dan 2 Julai 2016 (4 hari).

Caj RM0.20 dikenakan bagi setiap beg plastik untuk sebarang pembelian barang pada setiap hari Sabtu sepanjang bulan Ramadhan.

Caj tersebut juga akan dimasukkan ke dalam bekas khas yang akan disediakan oleh pihak MDKL di setiap gerai.

Manakala sepaduk pemberitahuan berkenaan kempen ini akan dipamerkan semringgu sebelum Ramadhan di tapak bazar sebagai pemakluman awal serta persediaan semua pihak untuk melaksanakan kempen tersebut di samping menggalakkan pengguna supaya menggunakan beg kitar semula dan bekas makanan guna-semula semasa membeli keperluan mereka.

Lebih menarik, pengunjung bazar yang berbuat demikian, akan menerima hadiah yang sinonim dengan kempen ini, contohnya; pemberian mangkuk tingkat dan beg kitar semula.